

RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Kemahiran Mikro	:	Menggunakan contoh dan mengemukakan soalan
Subjek	:	Geografi
Tingkatan/tahun	:	5 Bestari
Bilangan Murid	:	15 orang
Masa	:	9:00 pagi - 9:30 pagi
Tajuk	:	Migrasi Dalam
Kemahiran/Tajuk Kecil	:	Definisi migrasi dalam, jenis-jenis migrasi dalam, faktor-faktor migrasi dalam dan kesan-kesan migrasi dalam
Hasil Pembelajaran	:	

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid dapat:

1. Menerangkan dengan contoh definisi migrasi dalam secara lisan
2. Mengenal pasti tiga jenis migrasi dalam dalam bentuk peta minda
3. Menyenaraikan 5 faktor migrasi dalam dalam bentuk pembentangan
4. Menyatakan 5 kesan migrasi dalam dalam bentuk perbincangan

Elemen Merentasi Kurikulum	:	Penerapan nilai-nilai murni dan kemahiran berfikir
Kemahiran Abad - 21	:	Murid-murid dapat berkomunikasi dengan baik dan dapat menyelesaikan masalah dengan berfikir secara pantas.
Nilai-Nilai Murni	:	Berkejasama, berani, berfikir secara kreatif dan kritis, berusaha, berkongsi ilmu, berdisiplin, memberi tumpuan,
Teori yang digunakan	:	Teori Kognitif dan Teori Konstruktivisme
Bahan Bantu Mengajar	:	Tayangan video, Slaid powerpoint, Papan tulis, Peta Minda Kad tugas
Rujukan Guru	:	1. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 2. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 5 2018 3. Buku teks Geografi Tingkatan 5

Langkah/minat	Isi pelajaran	Aktiviti guru	Aktiviti murid	Catatan/BBM
<p>Set Induksi (3 Minit)</p>	<p>1. Murid-murid diminta untuk mengubah kedudukan asal ke tempat yang lain/baru yang menunjukkan perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain (migrasi).</p> <p>2. Memainkan video berkaitan dengan migrasi dalaman untuk menarik perhatian murid.</p>	<p>1. Guru meminta murid-murid untuk bergerak dari kedudukan asal ke tempat yang lain/baru.</p> <p>2. Guru menayangkan video berkaitan dengan migrasi dan meminta murid untuk memahami video tersebut.</p> <p>3. Guru bertanya kepada murid mengenai kefahaman mereka berkaitan dengan perpindahan kedudukan dan tayangan video tersebut.</p> <p>4. Guru mengaitkan perpindahan kedudukan dan tayangan video dengan tajuk pengajaran iaitu migrasi dalaman.</p>	<p>1. Murid bergerak dari kedudukan asal ke tempat yang lain.</p> <p>2. Murid menonton dan memahami video yang ditayangkan oleh guru.</p> <p>3. Murid menyatakan kefahaman mereka berkaitan dengan perpindahan kedudukan dan tayangan video. Murid menyatakan bahawa perpindahan kedudukan dan video tersebut merupakan migrasi dalaman.</p>	<p>Video, speaker, LCD projektor</p>
<p>Langkah 1 Menyampaikan isi pelajaran (10 minit)</p>	<p>Memberi penerangan berkaitan dengan tajuk yang hendak disampaikan secara spesifik iaitu:</p> <p>a. Definisi migrasi dalaman</p> <p>b. Jenis-jenis migrasi</p>	<p>1. Guru menerangkan kepada murid berkaitan dengan definisi migrasi dalaman, jenis-jenis migrasi dalaman, faktor-faktor migrasi dalaman dan kesan-kesan migrasi dalaman.</p>	<p>1. Murid memberikan perhatian sepenuhnya kepada penerangan yang diberikan oleh guru berkaitan dengan tajuk iaitu definisi migrasi dalaman, jenis-jenis migrasi dalaman, faktor-faktor migrasi dalaman</p>	<p>Slaid powerpoint</p>

	<p>dalam</p> <p>c. Faktor-faktor migrasi dalam</p> <p>d. Kesan-kesan migrasi dalam</p>	<p>2. Guru bertanya soalan berkaitan dengan penerangan yang telah diberikan kepada murid.</p> <p>3. Guru memberikan contoh tambahan untuk meningkatkan kefahaman murid berkaitan tajuk yang hendak dipelajari.</p>	<p>dan kesan-kesan migrasi dalam.</p> <p>2. Murid menjawab soalan yang telah diajukan oleh guru berdasarkan penerangan yang telah diberikan.</p> <p>3. Murid mendengar dan memahami contoh-contoh yang diberikan oleh guru agar dapat meningkatkan kefahaman.</p>	
<p>Langkah 2</p> <p>Aktiviti berkumpulan</p> <p>(10 minit)</p>	<p>Think-pair-share</p> <p>1. Guru memberikan soalan berbentuk kad tugas berlainan warna dan berlainan bentuk kepada murid secara berkumpulan. Kad tugas tersebut mengandungi isi penting berkaitan dengan kesan-kesan migrasi dalam. Guru meminta murid untuk berbincang dalam kumpulan kemudian menghuraikan isi penting yang ada dalam kad tugas tersebut sebagai jawapan.</p>	<p>1. Guru menerangkan berkaitan dengan aktiviti yang hendak dijalankan.</p> <p>2. Guru memberikan kad tugas berwarna-warni dan berlainan bentuk kepada seorang murid sebagai wakil kumpulan.</p> <p>3. Guru memberikan masa selama 3 minit untuk berfikir bersama dengan ahli kumpulan sebagai persediaan.</p> <p>4. Guru memilih murid dari setiap</p>	<p>1. Murid mendengar penerangan dari guru berkaitan dengan aktiviti yang hendak dijalankan.</p> <p>2. Seorang murid wakil dari setiap kumpulan menerima kad tugas dari guru.</p> <p>3. Setiap kumpulan mempunyai masa selama 3 minit untuk melakukan persediaan bersama dengan ahli kumpulan.</p> <p>4. Seorang murid yang dipilih dari setiap kumpulan berdiri di tempat</p>	<p>Kad tugas berlainan warna dan berlainan bentuk</p>

		<p>kumpulan untuk memberikan jawapan.</p> <p>5. Guru meminta kepada semua murid yang lain untuk menumpukan perhatian dan melakukan catatan terhadap jawapan yang berikan oleh murid yang telah dipilih.</p> <p>6. Guru meminta murid untuk melakukan rumusan berkaitan dengan semua jawapan yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan</p> <p>7. Guru membuat penilaian.</p>	<p>masing-masing untuk memberikan jawapan berkaitan dengan kesan-kesan migasi dalaman.</p> <p>5. Murid yang lain menumpukan perhatian dan melakukan catatan kepada murid yang sedang memberikan jawapan.</p> <p>6. Murid melakukan rumusan berkaitan dengan kesemua jawapan yang diberukan oleh rakan yang lain.</p>	
<p>Langkah 3</p> <p>Penilaian dan pentaksiran</p> <p>(5 minit)</p>	<p>Menganalisis isi pengajaran bagi mengukuhkan kefahaman murid.</p>	<p>1. Guru meminta murid menghasilkan peta i-think berkaitan dengan faktor-faktor migrasi dalam kumpulan mengikut kreativiti di dalam kelas.</p> <p>2. Guru membuat penilaian berdasarkan hasil kerja murid.</p> <p>3. Guru</p>	<p>1. Murid menghasilkan peta i-think berkaitan dengan faktor-faktor migrasi secara berkumpulan.</p> <p>2. Murid berbincang sesama ahli kumpulan untuk menghasilkan peta i-think dengan kreativiti tersendiri.</p> <p>3. Murid menerima</p>	<p>Kertas mahjong</p>

		memberikan tugas untuk membuat peta minda berkaitan dengan kesan-kesan migrasi sebagai tugas di rumah yang dilakukan secara individu.	arahan dari guru untuk menghasilkan peta minda berkaitan dengan kesan-kesan migrasi dalaman sebagai tugas di rumah.	
Penutup/rumusan (2 minit)	Merumuskan tajuk yang telah diajarkan dan aktiviti pembelajaran	1. Guru membuat kesimpulan berkaitan dengan tajuk pengajaran.	1. Murid merumuskan tajuk pengajaran dengan menggunakan ayat sendiri	Slaid powerpoint